



Sammy Vs Subra

Tak habis-habis kerenah Samy Vellu. Cukuplah Samy, masa pun dah senja. Yang pasti perlu berundur. Berikan kepada muka-muka baru yang lebih muda dan profesional. Kerenah Datuk Samy sering menjadi tajuk hangat didalam perbualan masyarakat India di Johor. Soalnya siapa yang berani membantah secara terbuka pasti akan dicantas.

Perpecahan MIC dahulu dengan penubuhan IPF dipimpin oleh G. Pandithan ada berpunca dari kesombongan Datuk Samy Vellu. Kini dengan menggugurkan Datuk S. Subramaniam, Datuk Samy vellu akan lega kerana tidak ada musuh yang boleh menggugat kepimpinannya.

Persoalannya sekarang ialah dalam usaha BN memperkukuhkan kedudukannya menentang pembangkang, kenapa perkara ini berlaku? Jentera UMNO berhempas pulas untuk mengekalkan ketuanan BN menerajui Kerajaan tetapi tindakan Datuk Samy Vellu seolah-olah ingin mencetuskan isu untuk dijadikan modal pembangkang.

Pemecatan Datuk S. Subramaniam (orang Johor) dikatakan ada kaitan dengan isu Maika Holding dan Akhbar Namban yang sering mengeluarkan kenyataan menghina beliau. Siapakah sebenarnya yang merestui menjudkan Maika Holding kalau tidak Datuk Samy Vellu sendiri.

Kalaulah Tun Dr Mahathir boleh berundur kenapa tidak Datuk Sammy Vellu. Lidah jangan selalu bercabang macam ular. Sudah tiba masanya Datuk Samy Vellu perlu memberikan laluan kepada tenaga muda yang berkaliber demi membangunkan masyarakat India. Yang pasti dari desas-desus yang didengar, senadainya Datuk Samy Vellu berundur yang pasti IPF dan serpihan parti MIC akan bersatu seperti MCA.

DATUK SAMY VELLU PATUT BERUNDUR DEMI KEBAJIKAN MASAYARAKAT INDIA